

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH :

SOALAN :

YB Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik pengidap penyakit saluran pernafasan (pneumonia, bronchitis, asthma) yang dimasukkan ke fasiliti Kementerian di Pahang pada tahun 2014 dan 2015. Apakah ada peningkatan jumlah pesakit saluran pernafasan selepas masalah bauksit di Pahang.

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik bagi saluran pernafasan iaitu pneumonia, bronchitis dan asthma yang disediakan adalah berdasarkan rekod kemasukan pesakit (pesakit dalam) di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Statistik merujuk kepada jumlah *encounter* dan bukan bilangan pesakit. Statistik bagi tahun 2014 dan 2015 merupakan maklumat permulaan (*preliminary*).

Secara keseluruhan, jumlah kemasukan pesakit di hospital KKM seluruh negara bagi penyakit pneumonia adalah 97,403 kemasukan pada tahun 2014 dan 118,803 kemasukan pada tahun 2015; peningkatan sebanyak 21,400 kemasukan atau 22.0 peratus. Bagi penyakit asthma, kemasukan pada tahun 2014 dan 2015 masing-masing berjumlah 35,464 dan 38,400 kemasukan; peningkatan sebanyak 2,936 kemasukan atau 8.3 peratus. Jumlah kemasukan penyakit bronchitis pula berjumlah 923 pada tahun 2014 dan 799 pada tahun 2015; pengurangan sebanyak 124 kemasukan atau 13.4 peratus.

Bagi negeri Pahang, jumlah kemasukan ke hospital bagi penyakit pneumonia adalah 7,298 kemasukan pada tahun 2014, meningkat sebanyak 3,955 kemasukan atau 54.2 peratus kepada 11,253 kemasukan pada tahun 2015. Bagi penyakit asthma, kemasukan yang dicatatkan pada tahun 2014 berjumlah 2,510 kemasukan, meningkat sebanyak 1,084 kemasukan atau 43.2 peratus kepada 3,594 kemasukan pada tahun 2015. Kemasukan bagi penyakit bronchitis pula menunjukkan penurunan daripada 54 kemasukan pada tahun 2014 kepada 40 kemasukan pada tahun 2015 (pengurangan sebanyak 14 kemasukan atau 25.9 peratus).

Selain Pahang, negeri-negeri lain juga mencatatkan peningkatan jumlah kemasukan bagi penyakit pneumonia dan asthma. Antara negeri yang mencatatkan peningkatan bagi kemasukan penyakit pneumonia adalah Johor (+3,917 kemasukan, +29.2 peratus), Kelantan (+2,149 kemasukan, +36.2 peratus) dan Sarawak (+2,010 kemasukan, +25.0 peratus), manakala bagi penyakit asthma ditunjukkan oleh Kedah (+502 kemasukan, +19.9 peratus), Sabah (+285 kemasukan, +11.0 peratus) dan Sarawak (+278 kemasukan, +14.8 peratus).

Statistik penyakit pneumonia, asthma dan bronchitis yang disediakan ini adalah berdasarkan kepada diagnosis pesakit semasa didiscaj dari hospital. Oleh itu, tidak dapat dipastikan sama ada kemasukan bagi ketiga-tiga penyakit ini adalah kesan daripada masalah bauksit yang berlaku di Pahang atau disebabkan oleh lain-lain punca.